



**PERBADANAN LABUAN**  
**PETI SURAT 81245**  
**87022 W.P. LABUAN**

**NO. SEBUT HARGA** : PL/(S)8/2024(JPK)  
**TARIKH** : 22 Januari 2024

### **KENYATAAN SEBUT HARGA**

Sebut harga adalah dipelawa untuk kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi perolehan berikut:

<b>Tajuk Perolehan</b>	<b>Gred, Kategori dan Pengkhususan kelas</b>	<b>Taklimat dan Lawatan Tapak</b>	<b>Tarikh dan Lokasi Penjualan / Harga Dokumen</b>	<b>Tarikh, Waktu Tutup Tawaran &amp; Tempat Penghantaran Dokumen</b>
<b>PEROLEHAN KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENGUJI SISTEM PENYAMAN UDARA SERTA KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN UTC WP LABUAN</b>	Berdaftar dengan <b>SPKK dan CIDB</b>  Gred: <b>G1</b>  Kategori: <b>ME</b>  Pengkhususan: <b>M01</b>	<b><u>TAKLIMAT (WAJIB)</u></b>  <b>26.1.2024 (9:30 pagi)</b>  Taklimat akan diadakan di Jabatan Pembangunan dan Kejuruteraan, Tingkat 6, Menara Perbadanan Labuan  <b><u>LAWATAN TAPAK</u></b> Tiada	<b><u>TARIKH &amp; LOKASI PENJUALAN</u></b>  <b>26.1.2024 sehingga 7.2.2024</b> (semasa waktu pejabat)  Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah, Blok B, Wisma Perbadanan Labuan  <b><u>HARGA DOKUMEN</u></b> <b>RM 20.00</b> (tidak dikembalikan)	<b>8.2.2024</b> (8.00 pagi - 12.00 t/hari)  Peti Sebut Harga No. 1  Tingkat 2, Blok A, Wisma Perbadanan Labuan

Kontraktor dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran yang sah tempoh **BERSERTA SATU SALINAN** dari **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Perakuan Pendaftaran CIDB** sebelum dibenarkan mengambil dokumen sebut harga.

**(Tempoh Sah Sijil-Sijil Hendaklah Tidak Kurang 90 Hari Dari Tarikh Tutup Iklan Sebutharga)  
(Surat Kebenaran Khas Daripada CIDB Adalah Tidak Dibenarkan)**

Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran sahaja yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak sebut harga. Kontraktor / Syarikat juga tidak dibenarkan mewakilkan pegawai lain selain daripada penama dalam sijil. Oleh itu, syarikat perlu membawa bersama sijil dan pengenalan diri semasa menghadiri taklimat / lawatan tapak.

Perbadanan Labuan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebarang sebut harga. Semua perbelanjaan bersabit dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab kontraktor sendiri. Dokumen sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan sebarang rayuan tidak akan dilayan. Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen sebut harga yang dihantar melalui pos.

Iklan di atas juga boleh di akses dengan melayari laman web rasmi Perbadanan Labuan di alamat [www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my).